



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i



Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

KPDN S'kan periksa bazar Ramadan

Winnie Kasmir

SANDAKAN: Hampir semua daripada 100 gerai di bazar Ramadan kawasan letak kereta Bataras Hypermarket mematuhi undang-undang penandaan harga di bawah Akta



AZDY (dua, kiri) melakukan pemantauan ke salah sebuah gerai di Bazar Ramadan.

Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Kesemua gerai berkenaan diperiksa oleh sepasukan pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Sandakan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah (KPPD) Azdy Zukkry John pada Rabu.

Azdy berkata pemeriksaan dijalankan berikut pelaksanaan Ops Pantau 2025 oleh KPDN yang bermula pada 2 Mac lalu.

"Tujuan operasi ini adalah memastikan semua peniaga mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDN selain mereka tidak melakukan sebarang pencatutan.

"Operasi sama juga memberi tumpuan kepada pemantauan bekalan dan harga barang, jualan murah, penggunaan alat timbangan, penjualan barang tiruan atau cetak rompak, perbahasaan halal dan penjualan barang keperluan Hari Raya Aidilfitri," katanya ketika ditemui media selepas pemantauan terbabit.

Mengulas lanjut, Azdy menyatakan selain bazar Ramadan KPDN juga meningkatkan pemeriksaan ke premis perniagaan seperti pasar awam, pasar raya, pasar basah dan kedai runcit di seluruh Sandakan sepanjang bulan Ramadan hingga menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Sementara itu, beliau juga mengingatkan peniaga agar sentiasa mematuhi undang-undang dengan amalan perniagaan beretika.

"Tindakan tegas seperti kompaun serta merta akan dikenakan kepada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, Azdy turut memaklumkan pihaknya sudah menjalankan 1,683 pemeriksaan sejak 1 Januari 2025 dan menerusi jumlah terbabit 70 kes diambil tindakan dengan nilai rampasan RM 1,008,409.74.



MUHAMMAD
Dinie Fahmi
dibawa keluar
dari kamar
Mahkamah
Sesyen Kangar. -
Gambar
NSTP/AIZAT
SHARIF

Pemandu lori miliki 1,220 liter petrol kena denda RM17,000

Kangar: Seorang pemandu lori didenda RM17,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana memiliki 1,220 liter petrol tanpa lesen sah di sebuah rumah di Wang Kelian, dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Dinie Fahmi Zulkepli, 23, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Idid.

Berdasarkan pertuduhan, Muhammad Dinie didakwa memiliki barang kawalan yang juga adalah barang berjadual iaitu petrol sebanyak 1,220 liter secara runcit tanpa lesen

yang sah.

Kesalahan mengikut Peraturan 3(1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974 didakwa dilakukan di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Wang Kelian, Kaki Bukit, Wang Kelian.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya ia adalah kesalahan berulang, tertuduh boleh didenda sehingga RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau ke-

dua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Perlis S Mugunthan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM17,000 terhadap tertuduh dan sekiranya gagal membayar denda maka lelaki itu boleh dipenjara lapan bulan.

Mahkamah turut memerintahkan rampasan dijadikan hasil kerajaan dan barang rampasan pulak dilupuskan.

Muhammad Dinie membayar denda itu.

HARI: JUMAAT
TARIKH: 7/3/2025
M/SURAT: 5

Having 1,220 litres of petrol

KANGAR: A lorry driver was fined RM17,000 in default eight months jail by the Sessions Court here, Thursday, for possessing 1,220 litres of petrol, a controlled item, without a licence in 2023.

Judge Sharifah Norazlita Syed Salim Idid imposed the sentence on Muhammad Dinie Fahmi Zulkepli, 24, after he pleaded guilty to the offence. He paid the fine.

The offence was committed at an

unnumbered house in Kampung Wang Kelian, Kaki Bukit near Padang Besar at 5.10 pm on Sept 18, 2023.

He was charged under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 and is punishable under Section 22(1) of the same Act.

Perlis Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) prosecuting officer S. Mugunthan prosecuted, while the accused was unrepresented.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Bazaar traders lament oil shortage

Some forced to get creative to secure supply for fry-ups this Ramadan

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: Faced with a cooking oil shortage, some Ramadan bazaar traders here are forced to visit multiple supermarkets to secure enough supply.

Fatimah Sarudin, 36, said she first noticed the cooking oil shortage at the end of last year, with the severity fluctuating over the past few months.

"The problem has been on and off since the end of last year. Sometimes, I can get a 5kg bottle of cooking oil with ease, but other times, I need to visit two to three supermarkets just to find one."

"At times, I also have to opt for more expensive cooking oil as it is the only option," she said.

Fatimah, who runs a stall at a Ramadan bazaar near Angsana Mall, said the shortage has further increased her operation cost.

"There are many factors contributing to the rising prices of food at Ramadan bazaars. This is just one of them."

"However, we cannot raise prices too much, as it will drive



Time to feast: Muhammad Ikhwan (right) said he planned ahead to secure cooking oil for his Nasi Arab business.

customers away. The only thing we can do is absorb the extra cost as much as possible," she said.

Mohd Hisham Karim, 47, who sells burgers at another Ramadan bazaar nearby, said he has also struggled to find cooking oil over the past few months.

"I hope the authorities will do

something about this as soon as possible. It has been going on for months but is only getting attention now.

"For now, I am still able to get cooking oil despite some difficulties. However, if no quick action is taken, I believe this will escalate quickly, especially with Hari



Signs of shortage

Johor shops are reporting empty shelves for 1kg and 2kg cooking oil, believed to be due to panic buying following a minor shortage after Chinese New Year. Retailers and consumer groups are urging the government to ensure a steady nationwide supply for Hari Raya. > See page 5 for reports by YEE XIANG YUN, REMAR NORDIN, LO TERN CHERN and TRACY GUNAPALAN

Raya approaching.

"I am not increasing the price of my burgers just because of this issue, but I may have to if the situation worsens," he said.

Muhammad Ikhwan Osman, 34, said he has yet to be affected by the cooking oil shortage as he has kept an ample supply to last at least until next week.

"I have enough cooking oil for now, as I do not need much to

make the Nasi Arab I sell at the bazaar.

"However, I am keeping a close eye on the matter and making early preparations to ensure I have enough supply throughout Ramadan," he said.

The Star had previously reported that consumers in various parts of Johor have struggled to obtain cooking oil, especially 1kg and 2kg local bottled ones.

Peniaga One Cents Thieves sebenar



PERSPEKTIF
ZULKIFLI BUJANG

Pernahkah anda membayar dengan kad kredit atau debit, tetapi jumlah akhir masih dibundarkan ke angka genap? Jika ya, anda mungkin telah menjadi mangsa 'kecurian halus' yang berlaku setiap hari tanpa disedari!

Kita sudah biasa dengan mekanisme pembundaran bagi transaksi tunai kerana syiling 1 sen tidak lagi digunakan. Tetapi, mengapa pembundaran masih berlaku dalam transaksi kad kredit dan debit, yang sepatutnya boleh dicaj dengan jumlah sebenar?

Jika perkara ini berlaku pada anda, ketahuilah bahawa ia bukan sekadar dua sen, tetapi satu bentuk strategi senyap yang menguntungkan peniaga dengan cara yang tidak wajar.

Kenapa pembundaran selalu menguntungkan peniaga? Jika anda perhatikan, harga barang di pasar raya hampir selalu berakhir dengan angka seperti RM0.98 atau RM0.99. Jarang

sekali kita lihat harga RM0.96 atau RM0.97.

Ini adalah strategi *psychological pricing*, di mana harga RM1.98 nampak lebih murah berbanding RM2, tetapi akhirnya pengguna tetap membayar RM2 jika pembundaran dilakukan dalam transaksi bukan tunai.

Berapa banyak pengguna rugi? Mari kita lihat kiraan mudah ini.

Katakan harga sepotong roti ialah RM1.98, tetapi peniaga membundarkan harga kepada RM2 walaupun pelanggan membayar dengan kad kredit.

- Pengguna rugi RM0.02 setiap kali membeli.

- Jika seseorang membeli roti ini setiap hari selama 365 hari, jumlah kerugian adalah: $RM0.02 \times 365 = RM7.30$ setahun.

Sekarang bayangkan jika sebuah pasar raya besar mempunyai 5,000 transaksi kad kredit sehari. Jika setiap transaksi menyebabkan pengguna kehilangan RM0.02:

- $RM0.02 \times 5,000$ transaksi = RM100 sehari
- Sebulan? $RM100 \times 30$ hari = RM3,000
- Setahun? $RM3,000 \times 12$ bulan = RM36,500

Jika sebuah rangkaian pasar raya besar yang mempunyai cawangan di seluruh negara mempunyai 50,000

transaksi sehari, keuntungan yang diperoleh daripada 'kesilapan kecil' ini boleh mencapai RM365,000 setahun.

Ini bukan angka kecil, ini adalah satu bentuk pengambilan keuntungan secara senyap daripada pengguna tanpa disedari.

Tetapi, adakah peniaga juga rugi? Ada yang mengatakan bahawa kadangkala peniaga juga terpaksa membundarkan harga ke bawah, menyebabkan mereka menanggung kerugian.

Namun, berapa kerap ini berlaku? Kerugian ini berlaku lebih jarang kerana kebanyakan harga telah ditetapkan secara strategik untuk lebih banyak pembundaran ke atas.

Dalam transaksi kad kredit, pembundaran sepatutnya tidak berlaku langsung, jadi jika peniaga masih membundarkan, mereka secara langsung mengambil lebih banyak wang daripada pengguna.

Adakah ini melanggar undang-undang? Ya! Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) melerang sebarang amalan yang mengelirukan atau memperdaya pengguna mengenai harga barang.

Seksyen 14(1) APP 1999 menyatakan bahawa peniaga yang memberikan maklumat harga yang mengelirukan boleh dikenakan tindakan undang-

undang. Seksyen 10(1) APP 1999 juga melerang amalan perdagangan yang tidak adil, termasuk caj tersembunyi.

Jika sebuah pasar raya boleh mengangut ratusan ribu ringgit setahun hanya dengan memanipulasi dua sen daripada setiap pelanggan, ini bukan lagi perkara kecil, ini merupakan strategi senyap yang mencuri wang pengguna.

Apa yang anda boleh lakukan? Semak resit setiap kali menggunakan kad kredit atau debit dan jika harga dibundarkan, tanyakan kepada peniaga mengapa ia berlaku.

Laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) melalui talian hotline **1-800-886-800** atau platform rasmi mereka dan sebarkan kesedaran. Jangan biarkan peniaga terus mengambil kesempatan ke atas pengguna.

Dua sen mungkin nampak kecil, tetapi jika ia berlaku setiap hari kepada ribuan pelanggan, jumlah yang 'dicuri' boleh mencapai ratusan ribu ringgit setahun!

Jangan biarkan peniaga mengaut keuntungan dengan cara yang tidak wajar. Anda berhak membayar harga sebenar yang dipaparkan.

*Zulkifli Bujang ialah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu

Kenaikan harga kelapa import punca harga santan naik

KUALA LUMPUR — Kenaikan harga santan segar secara mendadak di pasaran sejak November lalu berpunca daripada kenaikan harga kelapa yang diimport dari Indonesia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga kelapa diimport dari Indonesia naik berikutan peningkatan eksport kelapa negara berkenaan ke China.

Menurutnya, trend petani tempatan lebih cenderung menjual kelapa muda berbanding yang tua turut menyumbang kepada bekalan tidak mencukupi untuk pemprosesan santan.

"Kebanyakan mereka yang tanam kelapa di negara ini memilih untuk menjual kelapa muda kerana harga lebih tinggi dan tempoh tuaian lebih singkat. Ini juga memberi kesan kepada harga kelapa tempatan berikutan permintaan lebih tinggi.

"Faktor cuaca seperti kemarau dan banjir juga memberi ke-

san kepada pengeluaran kelapa di ladang," katanya menjawab soalan Rodziah Ismail (**PH-Am-pang**) berhubung langkah kerajaan menangani lonjakan harga produk berasaskan kelapa terutama santan di sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Mohamad berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan FAMA Corporation Sdn. Bhd. (Famaco) telah menggerakkan langkah menstabilkan harga dengan memastikan bekalan diperoleh.

Katanya, sehingga Selasa lalu, FAMA dan Famaco telah membawa masuk bekalan kelapa tua dikupas sebanyak 734 tan metrik dari Sabah dan Indonesia dengan nilai belian berjumlah RM2.01 juta.

Jelas beliau, bekalan kelapa tua tersebut seterusnya diedarkan oleh 42 buah Pusat Operasi FAMA ke pasaran melalui 509 buah outlet pemasaran FAMA selain diagihkan kepada 16 pemborong dan 202 orang usahawan santan di seluruh negara.



FAKTOR cuaca seperti kemarau turut memberi kesan kepada pengeluaran kelapa di ladang. — GAMBAR HIASAN

Santan mahal sebab harga kelapa melonjak

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan bukan berpunca akibat kekurangan bekalan bahan itu.


Sebaliknya, **Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu**, berkata ia disebabkan beberapa faktor utama, antaranya peningkatan harga kelapa di pasaran, sejak November 2024.

Peningkatan harga itu katanya, berpunca daripada kenaikan harga kelapa import dari Indonesia berikutan kekurangan bekalan serta peningkatan eksport kelapa Indonesia ke China, sekaligus memberi kesan kepada harga kelapa tempatan berikut permintaan lebih tinggi

Beliau berkata, trend petani tempatan yang lebih cenderung menjual kelapa muda, berbanding kelapa tua turut menyumbang kepada bekalan tidak mencukupi untuk pemprosesan santan.

"Kebanyakan penanam kelapa di dalam negara ini memilih untuk menjual kelapa muda kerana faktor harga lebih tinggi dan tempoh tuaian lebih singkat."

"Faktor cuaca seperti kemarau dan banjir juga memberi kesan kepada pengeluaran kelapa di ladang," katanya ketika sesi Pertanyaan Menteri di De-



MOHAMAD Sabu

wan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Rodziah Ismail (PH-Ampong)** mengenai perancangan menangani lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan yang boleh menjelaskan keseluruhan rantaian bekalan dan nilai berteraskan kelapa.

Mohamad berkata, tindakan intervensi seimbang antara pengurusan bekalan, penyelidikan dan pembangunan serta sokongan kerajaan sudah diambil untuk menangani isu lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan bagi jangka pendek, pertengahan dan panjang.

Berdasarkan Laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023, katanya, trend pengeluaran kelapa di negara ini menunjukkan peningkatan kepada 623,663 tan pada 2023, berbanding 536,606 tan pada 2019.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Mar	High concerns over low availability ahead of Aidilfitri	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/06/high-concerns-over-low-availability-ahead-of-aidilfitri	THE STAR
7-Mar	'Step up monitoring, enforcement to rectify dwindling supply'	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/06/step-up-monitoring-enforcement-to-rectify-dwindling-supply	THE STAR
7-Mar	Minyak masak botol pula didakwa 'ghaib'	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193553/minyak-masak-botol-pula-didakwa-ghaib#google_vignette	HARIAN METRO
7-Mar	Jangan biar beras jadi seperti minyak masak peket	https://www.utusan.com.my/commentary/jangan-biar-beras-jadi-seperti-minyak-masak-peket/	UTUSAN
7-Mar	BARANGAN KEPERLUAN ASAS MENCUKUPI DI LABUAN WALAUPUN PERMINTAAN TINGG	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2399328	BERNAMA
7-Mar	Barang keperluan asas di Labuan mencukupi sepanjang Ramadan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/barang-keperluan-asas-di-labuan-mencukupi-sepanjang-ramadan	RTM
7-Mar	KPDN Melaka periksa 399 premis sepanjang Op Pantau 2025	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-melaka-periksa-399-premis-sepanjang-op-pantau-2025	RTM
7-March	Ops Pantau: KPDN Perlis tumpu 11 lokasi bazar Ramadhan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ops-pantau-kpdn-perlis-tumpu-11-lokasi-bazar-ramadan	RTM

7-Mar	PENIAGA BAZAR RAMADAN DI PERLIS PATUH PERATURAN, TAWAR HARGA BERPATUTAN	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2399472	BERNAMA
7-Mar	Maritim Malaysia tahan dua bot kargo bawa barang bersubsidi tanpa permit	https://sabahmedia.com/2025/03/06/maritim-malaysia-tahan-dua-bot-kargo-bawa-barang-bersubsidi-tanpa-permit/	SABAH MEDIA
7-Mar	Lebih tujuh tan barang kawalan tanpa permit dirampas	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/06/lebih-tujuh-tan-barang-kawalan-tanpa-	UTUSAN BORNEO
7-Mar	Penyeludup giat 'hantar barang bersubsidi' ke negara jiran menjelang Hari Raya	https://www.sinarharian.com.my/article/716151/berita/semasa/penyeludup-giat-hantar-barang-bersubsidi-ke-negara-jiran-menjelang-	SINAR HARIAN
7-Mar	KPDN rampas 1,531 kasut tiruan dijual secara online	https://www.kosmo.com.my/2025/03/05/kpdn-rampas-1531-kasut-tiruan-dijual-sekara-	KOSMO
7-Mar	Kekurangan minyak masak botol, kes terpencil - KPDN	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193985/kekurangan-minyak-masak-botol-kes-terpencil-	HARIAN METRO
7-Mar	'No cause for panic over cooking oil shortage,' says Johor KPDN	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1184545/no-cause-panic-over-cooking-oil-shortage-says-johor-kpdn	NEW STRAITS TIMES
7-Mar	OP Pantau 2025: KPDN Perak perketat penguasaan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/op-pantau-2025-kpdn-perak-perketat-penguasaan	RTM

7-Mar	KPDN Perak Pertingkat Pemantauan Sepanjang Op Pantau 2025	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2399785	BERNAMA
7-Mar	KPDN Perak ketat pemantauan, elak peningkatan kes	https://www.sinarharian.com.my/article/716292/edisi/perak/kpdn-perak-ketat-pemantauan-elak-peningkatan-kes	SINAR HARIAN
7-Mar	KPDN Perak pertingkat pemantauan sepanjang Op Pantau 2025	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-pertingkat-pemantauan-sepanjang-op-pantau-2025-511420	ASTRO AWANI
7-March	Ops Pantau: KPDN Perak Tingkat penguatkuasaan di lokasi tumpuan	https://www.buletintv3.my/nasional/ops-pantau-kpdn-perak-tingkat-penguatkuasaan-di-lokasi-tumpuan/#google_vignette	TV3
7-Mar	Kerajaan MADANI tegas banteras ketirisan barang kawalan bersubsidi	https://themalaysiapress.com/kerajaan-madani-tegas-banteras-ketirisan-barang-kawalan-bersubsidi/	MALAYSIA PRESS
7-Mar	Pemandu lori didenda RM17,000 miliki 1,220 liter petrol tanpa lesen	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-lori-didenda-rm17000-miliki-1220-liter-petrol-tanpa-lesen/	TV3
7-Mar	Pemandu lori didenda RM17,000 miliki petrol tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2025/03/06/pemandu-lori-didenda-rm17000-miliki-petrol-tanpa-lesen/	KOSMO